

Yahya tawar tanding timbangan pengerusi tetap

BH 21 FEB 2000

IPOH, Ahad – Perebutan jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Umno semakin sengit apabila Ketua Umno bahagian Ipoh Timor, Datuk Yahaya Shafic, menyatakan kesediaan bertanding merebut jawatan itu dalam pemilihan pada Mei ini.

Dengan pengesahan terbaru itu, jumlah calon yang menyatakan kesediaan bertanding jawatan berkenaan kini seramai enam orang.

Calon lain yang sudah menawarkan diri ialah bekas Yang DiPertua Dewan Negara, Datuk Adam Kadir; Datuk Seri Onn Ismail; Datuk Ampong Puyon; Datuk Azman Attar Osman dan Datuk Idris Ibrahim.

Yahaya membuat pengumuman itu ketika berucap merasmikan serentak mesyuarat 16 cawangan Umno bahagian itu di Dewan Bandaran Ipoh di sini, pagi ini.

Beliau yang ditemui selepas itu berkata, kesediaannya disandarkan kepada tiga sebab iaitu restu Badan Perhubungan Umno Perak, kekosongan jawatan itu serta pengalamannya sebagai pengerusi

pelbagai badan dan organisasi.

Katanya, 23 Umno bahagian di Perak mencapai kata sepakat mencalonkannya bertanding jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Umno.

“Saya mempunyai peluang cerah bagi jawatan itu kerana semua 23 Umno bahagian di negeri ini bersetuju mencalonkan saya.

“Selain itu, rakan di negeri lain menyambut baik cadangan itu dan yakin mereka akan menyokong saya,” katanya.

Yahaya berkata, walaupun faham tugas mengendalikan mesyuarat Umno berat, tetapi beliau yakin dapat menunaikan tanggungjawab itu berdasarkan pengalaman luasnya termasuk menjadi pengerusi Fama, pengerusi Jemaah Lada Hitam, pengerusi badan korporat serta sudah 19 tahun menjadi Ketua Umno bahagian.

Terdahulu, ketika berucap, Yahaya mengingatkan pemimpin dan ahli bahagian itu supaya patuh kepada nasihat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) berhubung pertandingan jawatan presiden dan timbalannya.

Beliau berkata, mereka perlu

melihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi dari sudut ketokohan, kewibawaan, kebersihan, bebas skandal, rasional serta sentiasa mengamalkan pertimbangan waras.

“Itulah sebabnya Umno Bahagian Ipoh Timor patut menerima pakai nasihat MKT itu,” katanya.

Yahaya turut mengingatkan perlunya orang Melayu memelihara keutuhan Umno kerana kehilangan kuasa Umno bermakna kuasa kaum itu di negara ini juga akan berkubur.

Katanya, mereka sepatutnya insaf dan melafazkan syukur dengan nikmat dikecapi hasil perjuangan Umno.

“Saya ingin menyarankan supaya kita sentiasa melafazkan syukur Alhamdulillah dalam setiap ucapan di perhimpunan Umno.

“Pas melaungkan Allahhuakbar tetapi sayangnya mereka agresif pula. Diharapkan kita menjadi lebih lembut dan bersopan dengan melafazkan syukur pada nikmat dikurniakan,” katanya.